

Syarahan Kiyai Muhammad Hasbī ash-Shiddieqy:

PANDUAN BERIBADAH DAN CARANYA MENYEMBAH TUHAN

Baharu-baharu ini, Kiyai Muhammad Hasbī ash-Shiddieqy, mahaguru di Universiti Islam Indonesia, yang telah banyak menyusun kitab-kitab mengenai agama Islam, dalam persinggahannya di Singapura telah memberi beberapa syarahan-syarahan yang baik isi dan kandungannya. Syarahan-syarahannya ini insya-Allah, akan kita susun dan jadikan sebuah buku khas. Di antara ucapan-ucapannya yang menarik ialah ucapan yang diucapkannya di Kebun Ubi, Singapura. Syarahan ini memberi kesan yang baik kepada pendengar-pendengarnya sehingga ada orang-orang yang mengeluarkan air mata, air mata kerana insaf kepada apa yang dikatakan oleh Kiyai Muhammad Hasbī.

Inilah syarahannya yang telah kita rakamkan.

Setelah mengucapkan iftitah (pembukaan) syarahannya Kiyai Muhammad Hasbī ash-Shiddieqy menyatakan bahawa ia merasa berbahagia pada malam itu dengan hidayah Allah dan taufik-Nya dapat berkenalan dengan hadirin sekaliannya yang diharapnya akan memberi kebaikan bersama. Seterusnya beliau menyebutkan suatu hadis yang maknanya:

((Agama itu ialah nasihat menasihati ajar mengajar tegur menegur)) – sahabat-sahabat bertanya: Untuk siapakah ya Rasulullah nasihat-nasihat itu? Nabi menjawab: Nasihat itu adalah untuk Rasul-Nya, untuk kitab suci-Nya, untuk ketua-ketua umat Islam, dan untuk seluruh umat Islam.

Sudah barang tentu nasihat untuk Rasulullah, tidaklah sebagai nasihat yang diberikan kepada kita sesama kita. Walaupun lafaz-lafaz itu masih tetap tuju satu persatu tetapi maknanya sudah terang berbeza-beza. Mengingat hadis ini, saya memberanikan diri untuk memberikan penjelasan kepada hadirin dengan berharap semoga penjelasan ini akan berguna untuk bersama.

Kita di dalam dunia ini mencari kemenangan, kemenangan yang dicari dan dituju. Kita berusaha mencari dan

mencapai kemenangan, tidak ada di antara kita seorang pun yang berupaya mencari kerugian. Kemenangan itu telah diterangkan Allah di dalam firman-Nya:

Qad aflaḥa al-mu'minūn al-ladhīnā hum 'an ṣalāthim khāshi 'ūn.

Kemenangan ini hanya diperoleh dan didapat oleh sekalian orang mukmin yang khusyuk jiwanya, (khusyuk hatinya dalam sembahyang). Di sanalah, di dalam sembahyanglah kita mendapat kemenangan yang kita kehendaki dan hajati. Dengan ayat yang singkat ini Allah menerangkan bahawa tidaklah tiap-tiap orang Islam itu mendapat kemenangan tetapi yang mendapat kemenangan ialah mukmin yang khusyuk di dalam sembahyangnya; mukmin yang tidak khusyuk di dalam sembahyangnya tidak akan mendapat kemenangan.

Kalau demikian tentulah menjadikan kewajipan kita bersama sampai berdaya upaya semenjak telah mempunyai akal yang sempurna (baligh) berusaha sampai setiap sembahyang yang kita lakukan sama ada sembahyang fardu atau sunat, baik siang atau malam, penuh dengan khusyuk dan tunduk dan *khudū'* kepada *Ilāhī rabbi* kerana yang demikian itulah sahaja yang boleh mendapat kemenangan dan kemenangan yang seumpama inilah yang kita cari.

Akan tetapi tidaklah dengan kerana kita telah berdiri di mihrab atau *muṣallā* dan tidaklah kerana kita telah mengangkat tangan ke arah hujung telinga, kerana kita membuat rukuk bahawa kita telah mencapai khusyuk. Khusyuk ini hanya didapati dan diperoleh oleh mereka yang merasa jika ia sembahyang bahawa ia berdiri sedang berbicara, bertutur kata dan bermunajat dengan Allah yang menjadikannya.

Apabila kita telah dapat merasa yang demikian itu pada saat itulah khusyuk dan *khuḍū'* akan didapat olehnya. Jiwa kita yang disirami oleh kusyuk dan *khuḍū'* bila telah merasai yang demikian ini baharulah ia menjadi orang yang menang. Oleh yang demikian belumlah boleh kita berhenti daripada belajar, bertanya kepada tuan guru dan tuan shaykh, kalau kita belum memperoleh khusyuk dan *khuḍū'* di dalam sembahyang.

Kita tentulah telah mengetahui bahawa tidak ada satu ibadat pun di antara berbagai-bagi rupa ibadat di dalam Islam yang menyamai martabat dan darjat sembahyang. Lain-lain ibadat adalah diletakkan Tuhan di bawah sembahyang. Kita tentu mengetahui bahawa ibadat-ibadat yang lain dibawa oleh Jibril kepada Muḥammad (SAW) waktu beliau berada di dunia tetapi hanya sembahyang sahajalah Rasulullah (SAW) dipanggil oleh Tuhan ke langit yang ketujuh sampai ke Sidrat al-Muntahā menerima perintah sembahyang itu. Dengan demikian dapatlah kita katakan bahawa sembahyang itu suatu pemberian daripada seorang Raja yang Maha Tinggi, kepada seorang Rasul-Nya, yang dipanggil untuk menemui-Nya untuk menyampaikan hadiah yang istimewa yang tidak ada tolok bandingnya. Oleh yang demikian tidaklah pada tempatnya dan tidak pula patut sekali-kali kalau kita mensesiakan sembahyang itu.

Di dalam al-Qur'ān tidak kurang daripada 82 kali Allah menyebut perkataan al-Ṣalāh dan disertai oleh perkataan zakat. Hal ini membuktikan dan menunjukkan bahawa sembahyang itu satu ibadat yang sangat-sangat diutamakan oleh Allah dan di sampingnya

ialah zakat. Solat dan zakat itu dua ibadat yang tidak boleh dipisah-pisahkan. Bila solat telah ada maka zakat akan mengikutinya. Jika solat belum baik zakat itu pula tidak akan sempurna. Kita menjadi bakhil kalau kita tidak mengeluarkan zakat seperti yang dikehendaki oleh Allah.

Sekarang marilah kita mencari jalan supaya mendapatkan bagaimana kita boleh khusyuk dan *khuḍū'* itu. Bagaimana kita menimbulkan perasaan supaya air mata kita keluar dalam masa kita bersembahyang bermunajat dengan Allah. Bagaimana kita berusaha supaya hati kita tenang dan *khuḍū'*, supaya badan kita pun tenang, tidak bergerak dan tidak menggaruk-garuk atau berpaling-paling ke kiri atau ke kanan dan bermain-main. Bagaimana kita menyempurnakan *tuma'nīnah* kita di dalam sembahyang itu!

Jalan yang pertama memperoleh ini, saudara-saudara, ialah pada waktu kita akan berdiri di dalam sembahyang itu, pada masa kita menghadap ke kiblat mestilah berdiri dengan lurus, kita ingat siapa yang akan kita hadapi, raja-raja biasakah, atau adakah kita akan menghadapi Raja daripada sekalian raja! Allah *subḥānahu wa Ta'ālā* ialah Tuhan yang menjadikan kita dan menjadikan segala raja-raja yang ada di dunia ini, walau yang ada di mana jua pun. Ini hendaklah kita ingati.

Yang kedua: wajib pula kita ingat bahawa bagaimana kita berbuat di hadapan Raja yang Maha Adil dan Maha Berkuasa itu.

Yang ketiga: apa yang akan kita sampaikan kepada Maharaja yang Maha Adil dan Maha Besar itu. Tutur kata apakah yang akan kita sebutkan, permohonan dan permintaan apakah yang akan kita persesembahkan. Dan apa yang akan kita lakukan supaya doa kita itu diterima oleh-Nya.

Inilah tiga perkara yang wajib kita ingat benar-benar tatkala berdiri di mihrab atau di *muṣalla* atau di atas sejadah.

Siapa yang akan saya hadapi, ini yang pertama-tama

bagaimana kita menghadapinya; ini yang kedua: apa yang akan kita tuturkan di hadapannya. Kalau yang ketiga ini menjadi ingatan kita, dapat mempengaruhi jiwa kita, maka dengan sendirinya badan kita akan menggeletar kerana mengingat bahawa kita berdiri bukan di hadapan orang biasa tetapi berdiri di hadapan Allah yang dapat melakukan segala sesuatu dan apa yang dikehendaki oleh-Nya

Fa ‘ālun lima yurīd, (Ia berbuat apa yang dikehendaki-Nya).

Tidak ada sesuatu kekuasaan di dunia ini, ataupun di mana juar yang dapat menghalang-halangi apa yang dikehendaki oleh Allah.

Yu ‘izzu man yashā’ wa yudhillu man yashā’.

Ini semuanya ada di tangan Allah.

Saudara-saudara – al-Hassan, cucu Rasulullah (SAW) tidak sahaja waktu beliau berdiri di hadapan mihrab atau di dalam *muṣalla*, tubuhnya menggeletar, pucat mukanya, berdebar-debar jantungnya tetapi semenjak ia berwuduk lagi beliau telah pucat mukanya. Sesudah berwuduk beliau tidak bercakap-cakap lagi dan beliau berjalan terus menuju tempat sembahyang. Kalau orang bertanya kepadanya: mengapa ia bersikap demikian? Maka al-Hassan menjawab: ((Bagaimana saya tidak bersikap demikian kerana bukankah saya akan menghadap Tuhan yang Maha Kuasa dan dalam masa itu bagaimana saya boleh bersuka ria tertawa dan seumpamanya?))

Bukankah azan yang diserukan itu suara yang menyeru kita mengadap Tuhan, suara yang berkumandang menyeru kita supaya berjemaah berdiri bersaf-saf mengikuti seorang imam menghadap Tuhan alam semesta? Adakah kita telah terasa yang demikian itu dalam masa sembahyang?

Saya rasa yang demikian ini harus ada dan harus pula tidak ada kepada kita. Buktinya banyak di antara kita tatkala berwuduk bercakap-cakap dan tertawa serta bergurau

senda yang kadang-kadang menerbitkan kelalaian sehingga menjadikannya membasuh tangan sampai sepuluh kali. Ini menunjukkan bahawa kita lalai. Orang-orang yang serupa inilah yang dimaksudkan dalam firman Allah:

*Fawaylun li al-muṣallīn Alladhīna hum ‘an ṣalātihim sāhūn
Al-ladhīna hum yurā’ūn Wa yamna ‘ūna al-mā’ūn.*

Kecelakaan neraka akan diberikan Allah kepada mereka yang bersembahyang tetapi lalai dan lupa daripada sembahyangnya itu. Ia berbuat tetapi tidak tahu apa yang dibuatnya – ia mengerjakan sesuatu tetapi tidak tahu apa maksud dan hikmah yang dikerjakannya. Oleh kerana itu kadang-kadang walaupun ia akan sembahyang sehingga waktunya habis.

Setelah ia takbir maka bersegeralah ia supaya lekas ia keluar daripada sembahyang. Pada waktu sebelum sembahyang ia segera pula berwuduk dan pergi sembahyang. Tetapi setelah takbir segera pula ia meninggalkan dan menghabiskan sembahyang mengapa dilakukan mereka demikian itu? Sebabnya tidak lain kerana ia tidak merasa lazat tatkala di dalam sembahyang itu. Kalau ia merasa lazat maka sedapat-dapatnya tentu semakin lama semakin sedap dirasa olehnya. Bukankah junjungan kita Muhammad (SAW) kadang-kadang dengan enam rakaat sembahyang malam baginda telah dapat menghabiskan malamnya. Setelah habis Isyak beliau sembahyang sehingga azan Subuh bahrulah beliau selesai sembahyangnya yang enam rakaat itu. Ayat-ayat yang dibawanya di dalam sembahyangnya itu ialah al-Baqarah, Āli ‘Imrān, al-Nisā’ dan al-Mā’idah.

Mengapa beliau boleh tahan?? Beliau boleh tahan dan demikian juga sahabat-sahabat beliau boleh tahan sembahyang lama-lama begitu, sebabnya ialah kerana beliau-beliau itu telah merasai kelazatan di dalam sembahyang. Sesungguhnya tidak ada saat yang paling berbahagia buat kita selain daripada saat berhadapan dan bertutur kata dengan Allah, memohon sesuatu kepadanya dan mendengar pambalasan-pembalasan atau jawapan-jawapan daripada Allah. Inilah saatnya yang

diharap oleh orang-orang yang warak dan orang-orang yang soleh supaya permohonannya terkabul.

Untuk jalan mendapatkan khusyuk ini, maka lebih dahulu hendaklah kita mempelajari segala makna yang kita ucapkan. Kita pelajari satu persatu maknanya; bukan itu sahaja tetapi juga segala tujuan yang terkandung di dalam tiap-tiap kalimah itu. Keduanya, harus pula kita mengetahui rahsia dan hikmah yang dikandung oleh sesuatu pekerjaan sehingga baik perkataan mahupun pekerjaan semuanya kita ketahui rahsia-rahsia hikmah dan maknanya.

Sebagai bukti marilah kita lihat kepada al-Fātiḥah yang kita baca itu. Al-Fātiḥah yang kita baca itu ialah sepenting-penting bacaan yang kita baca di dalam sembahyang. Oleh yang demikian tidak layak kita menghabiskan al-Fātiḥah itu dengan sekali nafas kerana tiap-tiap ayat itu mempunyai hikmah sendiri-sendiri. Tiap-tiap ayat al-Fātiḥah yang kita baca itu adalah dijawab oleh Allah. Kalau kita membaca *Alḥamdu lillāhi rabbi al-‘ālamīn* maka pada waktu itu Allah berkata:

Athnā ‘alayya ‘abdī

Maksudnya: Hambaku telah memuji akan diriku.

Maka demikian pula apabila kita membaca *al-Rahmān al-Rahīm* maka Tuhan berkata:

Maksudnya: Hambaku telah membesarlu daku.

Majjadani ‘abdī

Pada masa kita membaca *Ihdina al-ṣirāṭa al-mustaqīm*, umpamanya

maka pada waktu itu Tuhan berkata:

Maksudnya: Inilah di antara-Ku dengan hamba-Ku dan untuk hamba-Ku Aku beri dan Aku kabulkan apa yang dipohonkan olehnya itu.

Bersambung

Ini lagi dua jenis type yang di-

gunakan oleh Qalam.

8. Jenis Garamound dari 8 point, 10 point dan 12 point. Chontoh-nya seperti di-bawah ini:
8 Point Garamound Italic

*Mengupah-lah di-Perchitakkan Qalam
tentu tuan akan berpuas hati.*

8 Point Garamound Roman

*Mengupah-lah di-Perchitakkan Qalam
tentu tuan akan berpuas hati.*

10 Point Garamound Italic

*Mengupah-lah di-Perchitakkan Qalam
tentu tuan akan berpuas hati.*

10 Point Garamound Roman

*Mengupah-lah di-Perchitakkan Qalam
tentu tuan akan berpuas hati.*

12 Point Garamound Italic

*Mengupah-lah di-Perchitakkan Qalam
tentu tuan akan berpuas hati.*

12 Point Garamound Roman

*Mengupah-lah di-Perchitakkan Qalam
tentu tuan akan berpuas hati.*

4. Jenis Vogue 10 point, 12

Point dan 18 point. Chontoh-nya Saperti di-bawah ini:-

10 Point Vogue Roman

*Mengupah-lah di-Perchitakkan Qalam
tentu tuan akan berpuas hati.*

10 Point Vogue Bold

**Mengupah-lah di-Perchitakkan Qalam
tentu tuan akan berpuas hati.**

12 Point Vogue Roman

*Mengupah-lah di-Perchitak-
kan Qalam tentu tuan akan ber-
puas hati.*

12 Point Vogue Bold

**Mengupah-lah di-Perchitak-
kan Qalam tentu tuan akan ber-
puas hati.**

18 Point Vogue Roman

*Mengupah-lah di-
Perchitakk a n Qalam*